

21 JAN 2002

Mahathir-Kanak-kanak (Bergambar)

PERBUATAN SEMAI SIKAP BENCI AKAN TURUT MUSNAH MASYARAKAT, KATA PM

PETALING JAYA, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perbuatan menyemai sikap membenci di kalangan kanak-kanak terhadap orang tertentu akan memusnahkan masyarakat dan diri mereka.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata jika kanak-kanak ini dibenarkan hidup tanpa hasutan mereka akan menjadi manusia dan warganegara yang baik dan akan menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Menurut beliau, setiap kanak-kanak yang dilahirkan adalah bersih daripada sikap membenci dan tidak mempunyai sebarang ingatan jahat.

"Tapi kalau kita tanam perasaan kebencian kepada hati kanak-kanak ini... dan ajar benci kepada orang itu dan ini dan mengajar untuk memanggil orang ini dan itu dengan nama firaun, maha zalim dan sebagainya, jika dibiarkan ini akan memusnahkan bukan sahaja masyarakat tetapi diri mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan pusat komuniti anjuran Puteri Umno Malaysia di kawasan flet Taman Seri Manja di sini.

Dr Mahathir berkata golongan yang menanam perasaan benci pada hati kanak-kanak adalah dengan harapan apabila kanak-kanak itu besar mereka akan membenci orang-orang tertentu, dan sebaliknya menyokong orang yang menanam perasaan benci itu.

"Ini adalah niat buruk mereka. Ada pula yang memberi gambar untuk dikoyak-koyak serta diludah pada gambar itu dan dipijak. Maka sudah tentu fikiran dan hati kanak-kanak dipenuhi perasaan benci tanpa mengetahui sebab-sebabnya," katanya.

Dr Mahathir berkata perbuatan menyemai kebencian di kalangan kanak-kanak terhadap orang-orang tertentu adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam tetapi mereka yang melakukan perbuatan itu tidak memperdulikan hakikat itu.

Beliau berkata di negara ini ada orang tertentu yang membuka tadika dengan niat untuk mengotorkan fikiran kanak-kanak serta menyemai perasaan benci.

"Demikianlah hasrat mereka. Jika tidak ada tadika yang mereka boleh berbuat demikian seperti Kemas, mereka akan menutupnya supaya anak-anak ini pergi ke tadika mereka dan membenci orang-orang tertentu,"

Dr Mahathir berkata jika kanak-kanak itu disemai dengan perasaan benci, mereka akan terus membenci terhadap orang-orang tertentu apabila mereka membesar.

"Jika disemai satu kepercayaan ianya akan kekal seumur hidup pada hati dan pemikiran dan akan mempengaruhi kehidupan mereka sehingga akhir hayat," katanya.

Dr Mahathir turut memuji Puteri Umno kerana menyediakan pusat komuniti itu bagi membolehkan kanak-kanak menuntut ilmu.

Menurut Dr Mahathir, mereka yang tidak mahu menuntut ilmu akan menderita pada masa depan dan mungkin tidak akan mendapat peluang pekerjaan yang baik.

"Saya yakin bila kanak-kanak pergi ke pusat tuisyen, mereka bukan sahaja meningkatkan ilmu tetapi dilatih menjadi manusia yang baik dan tidak membenci orang itu dan ini," katanya.

-- BERNAMA

RV DC NMO